



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**MAJLIS PERASMIAN HARI TERBUKA
PUTRAJAYA 2026**

29 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

**AUDITORIUM TUN AZIZAN ZAINUL ABIDIN
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

(Salutasi akan disediakan)

PENDAHULUAN

Salam sejahtera dan Salam Malaysia
MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan sokongan berterusan terhadap usaha Kerajaan MADANI untuk memastikan perkhidmatan awam sentiasa dekat, mudah dan relevan kepada rakyat.
2. Hari Terbuka Putrajaya 2026 ialah bukti nyata bahawa perkhidmatan kerajaan tidak lagi berjarak dengan rakyat — ia hadir, boleh diakses, dan memberi manfaat secara langsung.

KERAJAAN MENDEKATI RAKYAT

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Jabatan Wilayah Persekutuan bertanggungjawab melaksanakan perancangan dan pembangunan bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Melalui Hari Terbuka Putrajaya atau Putrajaya Open Day (POD), kita menyediakan satu platform langsung yang merapatkan jurang antara kerajaan dan rakyat.
4. POD kini memasuki edisi kelima penganjurannya dengan konsep yang jelas iaitu **satu destinasi, pelbagai solusi**. Rakyat boleh berurusan, mendapatkan maklumat dan menikmati perkhidmatan kerajaan dalam satu acara yang menyeluruh dan mesra pengguna.

POD 2026: ACARA BERIMPAK TINGGI

5. POD 2026 menghimpunkan **tiga sambutan utama** dalam satu penganjuran: Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Ulang Tahun ke-30 Perbadanan Putrajaya dan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.
6. Sebanyak **488 pempamer dan vendor** merangkumi kementerian, agensi kerajaan dan sektor swasta disatukan bagi menawarkan perkhidmatan secara terus kepada rakyat.
7. Penganjuran ini selari dengan hala tuju perkhidmatan awam “Mempercepat Pelaksanaan, Memperhebat Reformasi”, dengan fokus kepada pemudahan urusan rakyat.

MANFAAT KEPADA RAKYAT

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Dalam Kerajaan MADANI, penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan berkesan adalah keutamaan. Kerajaan telah menaikkan gaji penjawat awam dan kini usaha kita tertumpu kepada kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam dan keluarga mereka khususnya di Putrajaya.

KOTA MADANI DAN PUTRAJAYA

9. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara wajar menjadi contoh terbaik dalam menterjemahkan gagasan Malaysia MADANI. Pembangunan Kota MADANI Putrajaya menekankan bandar yang inklusif, berdaya huni dan mampan dengan kesejahteraan rakyat sebagai teras utama.

10. Tadi bila saya masuk, saya lihat kebanyakan yang hadir adalah penjawat awam di Putrajaya – mungkin sekitar 98%.
11. Apabila saya fikirkan masa hadapan Putrajaya dalam 40 tahun yang akan datang, kebanyakan kita mungkin tak ada lagi di sini.
12. Kita semua mempunyai kampung halaman masing-masing. Semua datang dari negeri yang berlainan.
13. Namun bagi anak-anak yang membesar di Putrajaya, Putrajaya ini merupakan kampung mereka.
14. Apakah pengalaman yang kita mahu cipta untuk anak-anak kita kalau Putrajaya merupakan kampung halaman mereka?

15. Kita lihat data kesihatan obesiti dalam kalangan kanak-kanak adalah paling tinggi di Putrajaya. Salah satu faktornya ialah ibu bapa yang sibuk bekerja kerana banyak program dilaksanakan pada hari Sabtu dan Ahad. Oleh sebab itu mungkin kita tak cukup masa untuk bawa mereka bersenam.
16. Jadi tahun ini saya telah meminta Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya untuk melaksanakan lebih banyak program sukan percuma sepanjang tahun untuk kanak-kanak dan juga golongan dewasa.
17. Dan harapan saya selalu kita lihat Kementerian Belia dan Sukan sudah mengusahakan senamrobik setiap hari Selasa di depan Istana Kehakiman, yang itu juga percuma untuk penjawat awam.
18. Cuma yang kita nak laksanakan adalah setiap hujung minggu supaya anda tahu,

setiap hujung minggu ada kelas percuma dan anda boleh sertai.

19. Harapan saya yang lelaki mesti keluar bersenam. Selalunya senamrobik ini kita lihat hanya golongan wanita sahaja. Mungkin muzik tak sesuai. Tapi kita boleh bincang bersama dan kita boleh wujudkan program.
20. Yang penting, bersenam mesti sesuatu yang menggembirakan dan sesuai dengan minat masing-masing supaya ia boleh dilakukan secara konsisten.
21. Harapan saya adalah apabila gaji dah naik, anda pergi bekerja dengan gembira. Pulang ke rumah juga rasa gembira dan hujung minggu cari *work-life balance*.
22. Pastikan kalau Sabtu bekerja, Ahad rehat. Kalau Sabtu dan Ahad juga

bekerja, Isnin nanti muka masam datang kerja. *Not happy.*

23. Kesejahteraan penjawat awam penting kerana anda adalah barisan hadapan kerajaan.

24. Jika kita sendiri tidak gembira, bagaimana rakyat boleh menikmati perkhidmatan kerajaan dengan baik?

25. Sebab itu tahun ini saya mahu fokus kepada Putrajaya — kita jaga kesejahteraan penjawat awam supaya rakyat juga gembira.

26. Dalam masa yang sama, kita mahu mewujudkan pengalaman ‘kampung’ untuk anak-anak kecil di Putrajaya.

27. Saya tanya Datuk Sakeri tadi, kita di Putrajaya memang kekurangan warga Cina dan warga India.

28. Oleh itu, kanak-kanak di sini mungkin tak ada pengalaman sambutan seperti Tahun Baru Cina, Deepavali dan perayaan lain.
29. Jadi, kita juga nak wujudkan sedikit integrasi ataupun program supaya mereka memahami budaya dan tradisi masyarakat majmuk di Malaysia.
30. Selaras dengan hasrat Perdana Menteri supaya rakyat Malaysia boleh menguasai tiga bahasa – Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan satu lagi bahasa seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil ataupun Bahasa Arab.
31. Saya juga akan melihat bagaimana kelas bahasa percuma boleh disediakan untuk kanak-kanak di Putrajaya.

32. Bahasa ini kalau tak ada peluang untuk bertutur, belajar atas kertas sahaja dia tak akan berjaya kerana dia perlukan praktis. Kalau anak belajar bahasa Inggeris balik rumah, bila mereka nak praktis, keluarga ketawakan mereka.

33. Bahasa perlu dipraktikkan dalam persekitaran yang menyokong supaya anak-anak berani mencuba dan tidak merasa malu.

34. Akhirnya, kita mahu membina satu generasi yang akan berkata:

“Putrajaya adalah kampung saya.”

35. Dan pengalaman membesar di sini adalah pengalaman yang baik dan bermakna.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

36. Itu hasrat saya untuk Putrajaya dan akhir kata selamat menyambut Hari Wilayah Persekutuan kepada semua dan yang akan menyambut Ramadan nanti, selamat menyambut Ramadan dan selamat Tahun Baru Cina.

Sekian, terima kasih.